

CNS6831

R GB 10-07 00173 BA061

bah

PEMIMPIN MTUC TETAP BERSALAH, KATA PM

Mahathir - MTUC .

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkatapara pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) tetap bersalah walaupun kerajaan memutuskan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap mereka atas kegiatan memburukkan Malaysia pada persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva bulan lepas.

Para pemimpin kongres itu bersalah kerana menderhaka kepada negara dan pekerja, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan pameran Belia Dalam Pembangunan Negara di sini hari ini.

Katanya tiada tindakan akan diambil terhadap mereka setakat ini kerana para pemimpin itu tidak melanggar undang-undang dalam menjalankan tindak-tanduk memburukkan negara.

+Setakat ini mereka pandai... mereka tidak langgar undang-undang, + katanya ketika diminta mengulas pendirian Kabinet, yang telah membincang tindakan MTUC memburukkan Malaysia pada persidangan, ILO itu dalam tiga mesyuaratnya.

Katanya: +Mereka ini adalah penderhaka kepada negara mereka sendiri. Mereka sanggup diperalatkan oleh kesatuan sekerja Barat yang ingin melihat pekerja negara kita ini tidak ada pekerjaan dan ekonomi tidak berjaya. + -- Lagi.

▼10/07/18-52MST

CNS6836

R GB 10-07 00112 BA062

bah

Mahathir - MTUC 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka sekiranya mereka melanggar undang-undang.

Beliau menamakan Presiden MTUC Zainal Rampak dan Setiausaha Agungnya W. David sebagai antarapemimpin yang sering memburukkan negara.

+Orang macam Zainal Rampak dan David ini cuma mementingkan kepentingan mereka, bukan kepentingan pekerja, +katanya.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek telah memberi taklimat kepada Xabinet mengenai tindakan Zainal melobi para perwakilan negara asing supaya mengkritik Malaysia pada persidangan ILO yang lepas.

Zainal juga dikatakan bekerjasama dengan Persekutuan Pekerja-pekerja Logam Antarabangsa (IMF) bagi mengedarkan risalah yang memburuk-burukkan negara. -- Lagi.

▼10/07/18-59MST

CNS6838

R GB 10-07 00120 BA063

bah

Mahathir - MTUC 3 Kuala Lumpur

Perdanna Menteri berkata kerajaan tidak mempunyai sebarang masalah atau pandangan buruk terhadap organisasi MTUC, yang dianggap pusat kesatuan sekerja terbesar di Malaysia.

+MTUC sendiri tidak mengapa. Yang menjadi masalah ialah MTUC dipimpin oleh parti pembangkang,+ katanya.

+Parti pembangkang ini tiada kesetiaan pada negara. Dia sanggup burukkan negara kita. Kalau benar, tak apa, ini bohong.+

Dr Mahathir berkata para pemimpin itu sebenarnya hanya berminat untuk menjadi pemimpin dan mahukan kuasa.

+Kita tahu bila memimpin, persatuan yang besar, mereka boleh dapat peruntukan dan anggota yang banyak. Mereka hendak jadi pemimpin kesatuan yang besar supaya boleh mengugut kerajaan dan mengugut negara,+ katanya. --  
Lagi.

▼10/07/19-01MST

CNS6862

U GB 10-07 00152 BA069

bah

Mahathir - MTUC 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, Lim, yang turut hadir pada majlis itu, berkata kementeriaannya akan menyiasat mengenai keanggotaan sebenar MTUC.

Katanya, beliau difahamkan bahawa banyak badan gabungan telah meninggalkan kongres itu kerana dikatakan tidak puas hati dengan kepimpinan MTUC.

Beliau berkata kerajaan perlu mengesahkan perkara ini bagi memberi gambaran sebenar kepada anggota MTUC dan juga pekerja-pekerja lain serta memastikan sebab-sebabnya.

MTUC mendakwa ia merupakan pusat kesatuan sekerja terbesar di Malaysia dengan anggota lebih 400,000 daripada 150 badan gabungan. Atas dasar ini, MTUC menuntut iadilantik sebagai wakil pekerja dalam semua persidangan ILO, yang kini dibuat bergilir dengan CUEPACS.

Lim, bagaimanapun, menjelaskan bahawa siasatan kementerian itu tiada kaitan dengan tuntutan MTUC itu.

+MTUC sentiasa berpegang kepada angka keanggotaan yang sama walaupun banyak kesatuan gabungan meninggalkan kongres itu. Kita perlusahkan perkaraini,+ katanya. -- Bernama.

▼10/07/19-23MST